

Ancaman cara baru di depan kita: Dr. M

B. M. - 4 JUNI 1980

KUALA LUMPUR, Khamis — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan rakyat, khasnya ahli-ahli UMNO tentang sejenis "ancaman" yang boleh menghancurkan negara dan mungkin menjadikannya sekali lagi dijajah dalam bentuk yang lain, jika tidak disekat secara berkesan.

Tanpa menyebut secara khusus ancaman itu, Timbalan Perdana Menteri berkata, ini berdasarkan kepada kejadian dan peristiwa-peristiwa yang berlaku di negara ini akhir-akhir ini dan perkembangan di negara-negara lain yang latar belakangnya lebih kurang sama dengan Malaysia.

Dengan itu, menurut Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Timbalan Presiden UMNO Malaysia, tidak syak lagi ketenangan yang terdapat di negara ini sekarang sudah mula diancam.

Berucap merasmikan Perhimpunan Agung Pergerakan-Pergerakan

Pemuda dan Wanita UMNO Malaysia, di Dewan Bahasa dan Pustaka di sini, beliau berkata:

"Jika tidak disekat secara berkesan ancaman ini akan meningkat sehingga negara akan terjerumus dalam berbagai peristiwa politik dan ekonomi yang boleh menghancurkan negara ini dan mungkin menjadikannya sekali lagi dijajah dalam bentuk-bentuk yang lain."

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, Malaysia hari ini sebagai sebuah pulau yang tenang (secara relatif) dalam lautan yang bergelombang besar dan ia tidak boleh dianggap sebagai peristiwa biasa

sahaja yang tidak perlu dipelihara dan dilindungi.

Beliau menggesa persidangan Pemuda dan Wanita UMNO itu supaya mengenali tanda-tanda awalan tentang kemungkinan negara ini sekali lagi akan mengalir ke arah penjajahan.

Dalam konteks ini, beliau mahu persidangan kedua-dua Pergerakan itu berani mendedahkan

tanda-tanda yang tidak sihat itu serta berani pula menentukan sikap tersendiri yang tidak terpengaruh dengan keinginan mencari jalan mudah dengan menyertai iklim dan emosi semasa.

Katanya, tidak ada gu-

nanya bertindak apabila masa telah terlewat dan nasi sudah menjadi bubur.

Dalam ucapan lebih satu jam atas tajuk "Rupa bentuk atau isi kandungan UMNO", Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan bahawa ketahanan negara masih boleh dijamin.

Untuk semua

Menyentuh tentang UMNO, beliau menegaskan, UMNO tidak sekali-kali mengamalkan dasar berpuak-puak dan mementingkan diri sendiri.

Katanya lagi, UMNO untuk semua ahli dan semua orang Melayu

yang mempercayai perjuangannya bagi menegakkan agama Islam serta membela bangsa dan negara.

"UMNO ialah parti perpaduan, sesuatu yang dituntut oleh agama Islam, oleh itu kita tidak boleh tumpukan perhatian kepada berbagai jenis perbezaan dalam masyarakat Islam dan Melayu," ujarnya lagi.

Beliau menekankan, "Tidak ada kaum buruh dan kaum kapitalis dalam UMNO, tidak ada golongan yang sekular dan golongan yang mementingkan akhirat semata-mata dalam UMNO, tidak ada ideologist kebaratan dan ideologist ketimuran dalam UMNO,

tidak ada puak tua dan puak muda dalam UMNO, tidak ada orang bandar dan orang desa dalam UMNO, melainkan semuanya adalah orang Melayu yang beragama Islam yang mempunyai minat penuh untuk menegakkan agama Islam dan mempertahankan negara mereka."

Atas sifat-sifat keislaman inilah, tegas Datuk Seri Dr. Mahathir, UMNO akan terus berusaha menyatupadukan semua orang Islam berbangsa Melayu di

Semenanjung dan bekerjasama dengan lain-lain warganegara Malaysia yang tidak menentang matlamat perjuangannya